

Semak sebelum percaya, usah terburu-buru berkongsi



Pensyarah Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

Oleh Prof Madya Dr Muhamad Amar Mahmud

Data Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menunjukkan antara 1 Januari hingga 30 Jun lalu sebanyak 13,122 permintaan dikemukakan kepada penyedia platform media sosial untuk menurunkan kandungan membabitkan manipulasi imej atau *deepfake*.

Daripada jumlah itu, 12,353 kandungan atau 94 peratus berjaya diturunkan. Angka ini menunjukkan kita bukan sahaja berhadapan dengan keanggihan teknologi, tetapi persoalan bagaimana menentukan kebenaran apabila apa yang dilihat dan didengar boleh dimanipulasi.

Dalam keadaan inilah konsep tabayyun diajar al-Quran menjadi semakin penting. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Hujurat ayat 6 yang bermaksud: "Wahai orang beriman. Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidiki kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara tidak diingini disebabkan kejahilan kamu mengenainya sehingga menyebabkan kamu menyesali apa kamu lakukan".

Ayat ini mengajar antara menerima sesuatu berita dengan bertindak terhadapnya perlu ada proses penelitian. Kegagalan melakukan tabayyun boleh menyebabkan seseorang menzalimi orang lain berdasarkan maklumat salah, kemudian menyesal apabila kebenaran diketahui.

Dalam dunia hari ini, tabayyun perlu menjadi sebahagian daripada literasi digital Muslim.

Sebelum mempercayai sesuatu video, rakaman atau kandungan di media sosial, tanya dulu pada diri dari mana sumbernya, adakah sumber berwibawa untuk mengesah-

kannya atau adakah pihak dikaitkan dengannya sudah memberikan penjelasan.

Tradisi keilmuan Islam

Sikap berhati-hati terhadap sumber maklumat sebenarnya sudah lama menjadi sebahagian tradisi keilmuan Islam terutama dalam ilmu hadis.

Ulama hadis bukan sekadar meneliti kandungan sesuatu riwayat, bahkan memeriksa sanad dan kewibawaan perawinya.

Pada Jun lalu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengeluarkan kenyataan susulan kontroversi kesilapan dalam sebuah buku agama tulisan seorang pempengaruh.

JAKIM antara lain menekankan keperluan kandungan agama melalui penelitian dan pengesahan pihak berkuasa serta pakar pengajian Islam sebelum diterbitkan.

Isu ini membawa satu persoalan penting adakah populariti di media sosial akan menggantikan keabsahan dan ketepatan ilmu.

Seseorang mungkin mempunyai sejuta pengikut, tetapi jumlah pengikut tidak menjadikannya pakar dalam semua bidang agama.

Sebuah video mungkin mendapat jutaan tontonan, tetapi jumlah tontonan tidak menentukan kesahihan hadis. Pandangan agama juga tidak menjadi benar hanya kerana mendapat ribuan tanda suka di media sosial.

Dalam tradisi Islam, keabsahan ilmu dibina melalui pengajian, kepakaran, ketelitian dan amanah. Media sosial pula sering membina

pengaruh melalui populariti dan penampilan. Kedua-duanya tidak semestinya sama.

Bagaimanapun, kecerdasan buatan (AI) tidak wajar dilihat sebagai ancaman. Teknologi ini membawa manfaat besar dalam pendidikan, penyelidikan, perubatan, ekonomi bahkan dakwah. Persoalan sebenar ialah bagaimana manusia menggunakannya.

Teknologi tidak mempunyai rasa iri hati, dendam atau keinginan menjatuhkan maruah seseorang.

Manusialah yang boleh menggunakan teknologi untuk tujuan itu. Sebab itu *deepfake* bukan sekadar persoalan teknologi, tetapi persoalan akhlak.

Allah SWT berfirman dalam Surah al-Isra' ayat 36 bermaksud: "Dan jangan engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semuanya akan ditanya".

Ayat ini sangat signifikan pada zaman AI. Pendengaran boleh diperdaya melalui teknologi pengklonan suara, manakala

penglihatan boleh diperdaya melalui manipulasi gambar dan video. Justeru, manusia memerlukan akal yang kritis, ilmu dan pertimbangan moral untuk menilai apa yang dilihat dan didengar.

Mudah sebar dusta

Tanggungjawab terhadap maklumat juga tidak terhenti kepada pencipta berita palsu. Rasulullah SAW bersabda dalam hadis riwayat Muslim, "Cukuplah seseorang dianggap

berdusta apabila dia menceritakan setiap perkara didengarnya".

Hadis ini sangat relevan dengan budaya berkongsi di media sosial hari ini. Seseorang mungkin berkata, "Bukan saya yang buat, saya hanya kongsi". Namun, setiap perkongsian menyebabkan sesuatu maklumat bergerak kepada khalayak lebih luas.

Satu tuduhan palsu boleh mencapai ribuan orang dalam beberapa minit dan kekal dalam ruang digital walaupun hantaran asal sudah dipadamkan. Oleh itu, pengguna media sosial bukan sahaja perlu menjaga lidah, tetapi juga menjaga jari.

Institusi pendidikan, masjid dan organisasi dakwah juga perlu memperluas pendidikan akhlak kepada kehidupan digital. Generasi muda perlu memahami mengumpat tetap mengumpat walaupun melalui ruangan komen.

Membuka aib tetap membuka aib walaupun melalui tangkap layar. Fitnah tetap fitnah walaupun disampaikan melalui video 30 saat. Prinsip akhlak Islam tidak terhenti apabila seseorang membuka telefon pintar.

Kerajaan boleh menyediakan peraturan, platform boleh meningkatkan keselamatan dan institusi pendidikan boleh memperkukuh literasi digital. Namun, keputusan terakhir menekan butang 'kongsi' tetap berada pada individu.

Di sinilah agama mempunyai peranan besar. Peraturan mengawal tindakan manusia dari luar, manakala takwa membina kawalan dari dalam. Apa yang diperlukan bukan masyarakat yang takut teknologi, tetapi matang menggunakannya.

Semak sumber sebelum percaya. Jangan terburu-buru berkongsi perkara belum pasti. Berhati-hati terhadap kandungan sengaja membangkitkan kemarahan. Rujuk pihak mempunyai kepakaran dan berikan ruang kepada pihak dituduh menjelaskan keadaan.

Kegagalan melakukan tabayyun boleh menyebabkan seseorang menzalimi orang lain berdasarkan maklumat salah, kemudian menyesal apabila kebenaran diketahui

